

Bil. 46

Selasa

11 Disember 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Bebanan Guru**
- YB. Puan Hajah Natrah Ismail (*Sekijang*) [Halaman 1]
- **Banjir di Kawasan Bandar Kuching**
- YB. Dr. Kelvin Yii Lee Wuen (*Bandar Kuching*) [Halaman 5]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Selasa, 11 Disember 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

Isu Bebanan Guru

2.34 ptg.

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu nasional berkaitan beban guru-guru di seluruh negara. Pada 7 Oktober 2018 yang lalu, saya telah menerima kunjungan hormat En. Harry Tan Huat Hock (Setiausaha Agung NUTP) bagi membincangkan isu-isu yang dihadapi oleh para guru di seluruh negara.

Saya dimaklumkan bahawa isu berkaitan guru pernah dibawa kepada Menteri Pendidikan dan kementerian semasa kerajaan yang lepas namun tiada tindakan susulan diambil dalam usaha mengurangkan atau menyelesaikan isu-isu yang berbangkit. Saya rasa terpanggil untuk menyuarakan rintihan dan aduan oleh majoriti guru di Malaysia dan saya juga sangat memahami permasalahan yang sering dihadapi oleh kerana saya juga merupakan bekas guru.

Saya menyambut baik usaha kerajaan mahu mengurangkan beban guru daripada tugas perkeranian. Mereka selama ini dibebani dengan tugas di luar bidang dan masa mereka sebagai pendidik. Saya juga seorang bekas guru, berpandangan ini merupakan usaha murni pihak kerajaan membantu para guru serta memperbaiki semula hubungan antara guru dan para pelajar.

Tugas hakiki seorang guru adalah mendidik anak-anak murid mereka dan mereka perlu melihat cara yang sesuai untuk memajukan pendidikan yang kolaboratif bagi

mengurangkan jurang pencapaian sekolah bandar dan luar bandar. Ini perlu diambil kira oleh semua guru. Malah mereka perlu lebih kepada penumpuan pembentukan minda, akhlak, adab dan lain-lain.

Jika guru-guru dibebani dengan tugas menyemak peperiksaan, memasukkan data peribadi pelajar, menguruskan hal-hal lain selain mendidik, ini boleh mengganggu emosi seseorang guru itu. Jika bebanan ini tiada atau dihapuskan, maka sudah pasti setiap guru dapat memberi komitmen serta tumpuan sepenuhnya terhadap tugas mengajar di dalam kelas bagi meningkatkan prestasi pelajar memandangkan berkurangnya beban kerja.

Untuk menyelesaikan masalah kekurangan kerani di sekolah, saya mencadangkan pihak kementerian agar membuka peluang pekerjaan bagi mencari kerani yang mencukupi di setiap sekolah agar tidak mengganggu kerja hakiki guru. Selain itu, kerajaan juga diminta agar mengkaji semula lambakan graduan dalam bidang pendidikan atau perguruan. Pihak kerajaan perlu membuka peluang pekerjaan agar lambakan graduan ini dapat memenuhi sektor pendidikan. Sekian, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang, bekas pendidik yang prihatin terhadap isu guru. Saya berbesar hati untuk menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai beban tugas guru.

KPM bertanggungjawab terhadap profesion keguruan dan sentiasa cakna terhadap kebajikan guru termasuk menangani isu beban tugas guru secara progresif. KPM bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat Sekijang bahawa sekiranya isu tersebut tidak ditangani dengan baik, matlamat kemenjadian murid boleh terjejas dan guru sukar untuk memberikan komitmen sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP).

KPM merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang kerana berjasa sebagai bekas guru dan terus mendengar suara guru melalui Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP). Namun, dakwaan Setiausaha Agung NUTP bahawa KPM tidak mengambil sebarang tindakan bagi menangani isu beban tugas guru adalah tidak tepat. Kementerian sentiasa mencari kaedah terbaik untuk mengatasi isu ini. Antara langkah awal yang telah diambil oleh KPM ialah:

- (i) mengurangkan serta memudahkan tugas kemasukan data atau pelaporan dengan pemerkasaan pengintegrasian data melalui inisiatif *single-sign-on* (SSO);
- (ii) mengurangkan beban aktiviti bukan melibatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah;
- (iii) menghentikan audit Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMG2); dan
- (iv) terkini, KPM telah menangguhkan sementara pelaksanaan Sistem Indeks Kualiti NILAM (IQNILAM). Sistem ini dibina bermatlamatkan untuk mengurangkan beban tugas guru akan disemak semula dan ditambah baik secara menyeluruh supaya lebih mesra pengguna.

Tuan Yang di- Pertua, di bawah pentadbiran kerajaan baharu, pihak NUTP turut dilibatkan dalam perbincangan bagi menangani beban tugas guru. KPM telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Beban Guru (JKMBG) yang selain melibatkan NUTP, turut melibatkan Majlis Guru Besar (MGB) dan Majlis Pengetua Sekolah Malaysia (MPSM) dan lain-lain pihak berkepentingan. Beberapa sesi libat urus telah diadakan bertujuan untuk mengenal pasti isu dan cadangan yang boleh diselesaikan dalam jangka masa pendek, sederhana dan jangka masa panjang.

■1440

JKMBG juga telah menjalankan kajian yang lebih terperinci dan holistik di lapangan iaitu sekolah-sekolah untuk mengenal pasti faktor lain yang menjadi punca beban guru secara khusus berdasarkan jenis dan program sekolah. Hasil kajian ini akan digunakan untuk menyusun strategi penyelesaian. Antaranya dengan mencadangkan penurunan kuasa ke peringkat sekolah, memudahkan pelaporan data dan maklumat dan penyelarasan program-program utama antara Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dengan jabatan atau agensi KPM di peringkat pusat.

Tuan Yang di- Pertua, Ahli Yang Berhormat Sekijang turut membangkitkan isu beban tugas guru menyemak kertas peperiksaan murid. KPM berpandangan bahawa tugas ini tidak boleh dianggap sebagai satu bebanan kerana tugas tersebut termasuk dalam skop tugas profesional seseorang guru untuk mengetahui bukan sahaja pencapaian murid tetapi juga kekuatan dan kelemahan seseorang murid sebagai panduan untuk merancang aktiviti pemulihan sekiranya perlu. Sebagai seorang bekas guru, Ahli Yang Berhormat tentunya lebih

memahami falsafah di sebaliknya, bahawa tugas menyemak peperiksaan lebih sesuai dibuat oleh guru dan bukan dibuat oleh kerani.

Berkaitan dengan hubungan antara guru dengan murid, pencapaian bandar dan luar bandar, pendekatan-pendekatan pendidikan secara kolaboratif, pembentukan minda, akhlak, adab yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat, sememangnya diberikan fokus utama oleh KPM. Secara umumnya, semua perkara tersebut telah dilaksanakan melalui pelbagai strategi kurikulum dan kokurikulum. Langkah-langkah tersebut telah melalui beberapa fasa penambahbaikan dan sebahagian besar impaknya telah dinilai. Sebagai contoh, KPM telah berjaya mengurangkan jurang pencapaian antara murid bandar dengan murid luar bandar melalui beberapa inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 hingga 2025.

Berhubung dengan cadangan supaya pihak kementerian melantik kerani yang mencukupi di setiap sekolah, KPM sedang meneliti secara serius yang mana perkara ini turut melibatkan kelulusan agensi pusat. Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan telah menyatakan komitmen bahawa guru tidak akan terbeban dengan tugas perkeranian yang tidak berkaitan dengan tanggungjawab guru mulai tahun 2019.

Berkaitan dengan isu graduan pendidikan yang belum dilantik sebagai guru, adalah dimaklumkan perancangan keperluan guru KPM dilaksanakan melalui unjuran keperluan guru dan perkongsian maklumat dengan pihak penyedia latihan guru iaitu Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan universiti awam (UA). Urusan pengambilan graduan pendidikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kekosongan jawatan dan opsyen mata pelajaran dari semasa ke semasa. Graduan yang berminat untuk menjadi guru perlu terlebih dahulu memohon melalui Portal JobsMalaysia untuk dipanggil untuk ditemu duga oleh SPP.

Sebagai kesimpulannya, KPM serius dalam menangani beban tugas guru dengan melaksanakan pelbagai inisiatif dan mengadakan kerjasama dengan pelbagai pihak yang berkepentingan ke arah meningkatkan kualiti guru di Malaysia. Ini selaras dengan kajian antarabangsa yang menunjukkan bahawa kualiti guru merupakan faktor yang paling signifikan dalam menentukan keberhasilan murid. Sekian jawapan saya, ribuan terima kasih.

Banjir di Kawasan Bandar Kuching

2.45 ptg.

Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, banjir kilat merupakan fenomena yang sering kali berlaku di kawasan Bandar Kuching, terutamanya di beberapa kawasan tertentu. Sistem perparitan yang lemah menyebabkan laluan air permukaan akibat hujan lebat gagal mengalir ke kawasan yang sepatutnya lalu menyebabkan berlakunya banjir kilat.

Banjir kilat yang berpunca daripada parit yang cetek akibat mendapan sisa pepejal (sampah) ataupun tanah, sering berlaku di sesetengah kawasan Bandar Kuching seperti kawasan Sarawak General Hospital, Jalan Hospital, Jalan Ban Hock, Padang Merdeka, Kampung Tabuan Dayak, Jalan Gartak, Jalan Khoo Hun Yeang, Jalan Tun Abang Haji Openg dan Jalan Green, antara yang lain.

Keadaan ini telah menyebabkan jalan perhubungan di kawasan ini terputus kerana jalan yang turut ditenggelami air dan kesusahan kepada rakyat. Pada Khamis, 22 November 2018, disebabkan hujan lebat selama kurang dari dua jam sahaja, kawasan tersebut telah ditenggelami air termasuk Hospital Besar Sarawak sampai air masuk ke wad-wad dan kawasan di sekitar hospital yang menyukarkan pekerja hospital menjalankan tugas mereka.

Oleh itu, saya meminta agar pihak kementerian dapat membuat perancangan untuk menyelenggarakan serta membaik pulih semula semua sistem perparitan di kawasan-kawasan ini termasuk pelan '*flood mitigation program*' di Bandar Kuching. Selain itu, masalah banjir di Kuching seperti Kawasan Bintawa, Jalan Foochow, Sg Apong, Jalan Song dan Tabuan Dayak. Banjir yang berlaku di kawasan ini telah menjejaskan keselamatan para penduduk dan menyebabkan kerosakan harta benda, rumah dan kereta.

Oleh itu, saya ingin bertanya sekiranya pihak kementerian mempunyai inisiatif ataupun perancangan jangka pendek dan juga jangka panjang bagi mengatasi masalah banjir di kawasan-kawasan ini termasuk menyatakan secara terperinci status Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu(PLSB) Sungai Sarawak untuk menangani masalah banjir kilat yang dikatakan telah diluluskan oleh kerajaan sebelum ini berjumlah RM150 juta? Dengan itu, sekian terima kasih dan selamat menyambut Hari Krismas, Tuan Yang di-Pertua.

2.47 ptg.

Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Antara faktor kejadian banjir pada 22 November 2018 di sekitar Bandar Kuching adalah:

- (i) hujan yang lebat di mana jumlah hujan yang direkodkan dalam tempoh sejam adalah 72 milimeter di stesen hujan Kuching *Third Mile* dan 82 milimeter di stesen hujan Wisma Saberkas;
- (ii) sistem perparitan yang kurang efektif disebabkan oleh penambahan kadar aliran air larian permukaan akibat daripada pembangunan;
- (iii) terdapat halangan di dalam sistem perparitan seperti sampah, paip, kabel dan pembedung yang kecil; dan
- (iv) enapan tanah ataupun lumpur di dalam sistem perparitan akibat daripada aktiviti kerja tanah bagi pembangunan di sekitar kawasan.

Kawasan-kawasan Yang Terjejas

Antara kawasan-kawasan yang terjejas akibat banjir pada tarikh berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Sarawak *General Hospital* – Jalan Tun Abang Haji Openg;
- (ii) Kawasan *Central Padang*;
- (iii) Lintang *Park Utara*, Lorong Lintang *Park Selatan 1* dan Jalan *College*;
- (iv) Jalan Elis, Jalan Padungan; dan
- (v) Kawasan Tabuan Dayak.

Perancangan Jangka Pendek

Kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan secara berkala perlu dilaksanakan bagi meningkatkan kapasiti sistem saliran berkenaan terutamanya ketika musim hujan untuk mengurangkan risiko banjir. Untuk makluman Yang Berhormat Bandar Kuching, kerja-kerja penyelenggaraan sistem perparitan di kawasan bandar bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sebaliknya adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT). Walau bagaimanapun, kementerian ini bersedia untuk bekerjasama dalam membantu PBT dan kerajaan negeri bagi menangani isu banjir kilat di kawasan bandar tersebut.

Perancangan Jangka Panjang

Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Sarawak telah diluluskan dengan kos keseluruhan projek berjumlah RM150 juta dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pada 7 Jun 2018 pihak kerajaan melalui Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah memutuskan projek PLSB Sungai Sarawak ditangguhkan pelaksanaan ke tahun 2019. Pelantikan perunding bagi reka bentuk terperinci serta lantikan juruukur akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Kerja-kerja fizikal projek dijalankan akan dilaksanakan mulai pada tahun 2020.

■1450

Antara kawasan yang terlibat dalam projek PLSB Sungai Sarawak adalah seperti berikut:

- (i) naiktaraf Sistem Saliran di Hospital Umum Sarawak, Kuching;
- (ii) naiktaraf Sistem Saliran di Kuarters Kerajaan, Kuching;
- (iii) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Gersik, Kuching;
- (iv) Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Sinjan, Kuching;
- (v) mendalam dan melebarkan Sungai Tabuan;
- (vi) naiktaraf Sistem Saliran di Batu Lintang, Kuching;
- (vii) naiktaraf Sistem Saliran di S.K. Muara Tuang, Samarahan;
- (viii) naiktaraf Sistem Perparitan di Jalan Kuching Samarahan *Expressway*, Samarahan; dan
- (ix) pembinaan *Riverwall* Dari Kampung Bedil hingga Kampung Lintang, Kuching

Untuk penyelesaian secara menyeluruh, anggaran kos projek adalah berjumlah RM1.8 bilion yang melibatkan komponen-komponen berikut:

- (i) penyiapan *flood bypass*;
- (ii) kerja-kerja penggantian jambatan;
- (iii) pembinaan *Tidal Control Gate* iaitu Kawalan Air Pasang Surut;
- (iv) pembinaan Empangan Jajar; dan
- (v) lain-lain komponen yang berkaitan.

Peruntukan akan dipohon untuk pelaksanaan keseluruhan projek bagi mengatasi masalah banjir dalam RMKe-11 seterusnya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah Mesyuarat Kamar Khas terakhir untuk tahun ini. Izinkan saya mengucapkan *Merry Christmas and Happy New Year 2019 to all of you*. Dengan ini, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan. Sekian, terima kasih.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.53 petang]